

Penagih dadah kena tembak

SINAR HARIAN • ISNIN 16 OKTOBER 2017
 HUBUNGI SKJAD SABAK BERNAM: MOHD IZZATUL IZUAN • 019-2650821/019-3371068

SABAK BERNAM 43

Penagih dadah **kena tembak**

Suspek tidak endah amaran diberi tetap berdegil serang polis guna parang

SABAK BERNAM - Seorang penagih dadah warga tempatan nyaris maut ditembak polis selepas bertindak menyerang pasukan itu menggunakan sebilah parang di Hutan Paya Bakau, Sungai Besar di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, suspek berusia 42 tahun dikatakan cuba menyerang Ketua Operasi, Inspektor Khairul Amri Ishak bersama empat anggotanya yang melakukan Ops Tapis di port penagihan berkenaan.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintenden Nor Azmi Isa berkata, suspek dikatakan cuba menyerang polis bersenjatakan parang bersama tiga lagi rakan suspek warga Myanmar.

"Walaupun telah diberi

INFO

- Suspek berusia 42 tahun serang Inspektor Khairul Amri bersama empat anggota polis lain yang melakukan Ops Tapis
- Polis terpaksa melepaskan tembakan dan terkena pada lengan kiri suspek

amaran, salah seorang daripada suspek yang memegang parang cuba menyerang ke arah Khairul Amri. Polis terpaksa melepaskan tembakan dan telah terkena pada lengan kiri suspek terbahit," katanya.

Susulan tembakan itu katanya, suspek dan tiga lagi rakannya sempat melolos-



Nor Azmi (tengah) menunjukkan parang yang digunakan suspek pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam, di sini, semalam.

kan diri ke kawasan paya bakau berkenaan.

"Hasil daripada serbu-

an itu kita menemui sebilah parang digunakan suspek yang terjatuh di atas tanah selepas mereka melarikan diri," katanya.

Nor Azmi berkata, suspek

yang mengalami kecederaan kemudiannya membuat rawatan di Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) Sabak Bernam.

"Kami dapat mengesan suspek setelah lelaki terbahit membuat rawatan di hospital berkenaan. Bagaimanapun, tiga lagi rakannya sehingga kini masih gagal dikesan," katanya.

Beliau memberitahu, suspek juga mempunyai empat rekod lampau berkaitan penyalahgunaan dadah dan satu rekod di bawah Seksyen 411 Kanun Keseksaan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan.

HEBAHKAN
 AKTIVITI KOMUNITI ANDA
 mohd.hazafah@sinarharian.com.my